

**Wanita Dan Puteri UMNO Bergabung Bantu Golongan Remaja
Bernama
04 Mei, 2012**

JERLUN, 4 Mei (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno Kedah akan bergabung dengan Pergerakan Puteri melalui Skwad Sayang bagi membantu golongan muda dan remaja yang mempunyai masalah terutama bagi yang tinggal di luar bandar.

Ketua Wanita Umno Kedah, Datuk Maznah Hamid berkata kebanyakan masalah yang diterima Skwad Sayang adalah berkaitan keluarga bermasalah, kewangan, persekolahan dan kesihatan.

"Dalam program-program di kampung-kampung, maklum balas paling banyak diterima daripada golongan muda dan remaja adalah mendapat pekerjaan yang semakin sukar.

"Oleh itu Wanita Umno dan Pergerakan Puteri akan bekerjasama berusaha membantu golongan ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Sentuhan Kasih Skwad Sayang peringkat Parlimen Jerlun oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir di sini hari ini.

Maznah berkata Pergerakan Wanita akan mengendalikan masalah kaum ibu manakala Puteri mengendalikan soal golongan remaja.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663811>